

NO. SOALAN: 7

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]
TARIKH : 10.6.15 (RABU)

DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakan kerajaan sedar bahawa Syarikat Shell melanggar undang-undang *antitrust* dengan memaksa stesen-stesen minyak Shell menjual makanan dan minuman yang dikehendakinya sahaja dengan mengenepikan keluaran bumiputera.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Akta Persaingan 2010 diwujudkan bertujuan untuk melindungi proses persaingan demi kepentingan para peniaga, pengguna dan ekonomi. Walau bagaimanapun, akta ini tidak menentukan bagaimana sesebuah perusahaan hendak menjalankan perniagaannya. Hal ini disebabkan oleh sifat di dalam dunia perniagaan yang mana setiap perusahaan mempunyai prosedur perolehan yang berbeza mengikut visi dan objektif perusahaan masing-masing.

Oleh yang demikian, perlakuan sesuatu perusahaan mengenepikan produk keluaran bumiputera, jika benar, bukanlah merupakan suatu perlakuan antipersaingan berdasarkan Akta Persaingan 2010.

Sehubungan itu, kenyataan bahawa syarikat minyak telah melanggar undang-undang persaingan dengan mengenepikan produk-produk keluaran bumiputera adalah sesuatu yang tidak tepat.

Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua, KPDNKK sebagai kementerian yang menguruskan hal ehwal perdagangan dalam negeri, sentiasa mengadakan perjumpaan dan perbincangan bersama syarikat-syarikat minyak. Antara intipati perbincangan termasuklah menggalakkan penyertaan pengusaha-pengusaha bumiputera di dalam operasi pembekalan produk ke stesen-stesen minyak. Hal ini bertujuan untuk memastikan produk-produk keluaran bumiputera dan industri kecil dan sederhana (IKS) tidak diketepikan.

Hasil perbincangan secara berterusan tersebut mendapat, terdapat sekurang-kurangnya 20 sehingga 150 pembekal bumiputera terlibat di

dalam proses pembekalan produk ke stesen-stesen minyak di seluruh negara dengan jumlah keseluruhan nilai perniagaan mencecah RM 100 juta setahun.

Selain itu, syarikat-syarikat minyak ini juga telah membuka ruang kepada stesen-stesen minyak mereka untuk menerima dan menjual produk-produk seperti nasi lemak dan kuih dari peniaga-peniaga kecil di kawasan setempat yang mana secara tidak langsung membantu meningkatkan ekonomi kawasan tersebut.